

23 NOV 1998

Mahkamah-Anwar/I (Karpal)

MAHKAMAH TETAP 4 DIS DENGAR PERMOHONAN KARPAL

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi disini menanggungkan hingga 4 Dis bagi mendengar permohonan peguam Karpal Singh untuk tidak hadir sebagai saksi pendakwa pada perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul berkata pendakwa harus mengemukakan afidavit sebagai jawapan kepada permohonan oleh Karpal dan memberi sebab-sebab mengapa beliau (Karpal) dikehendaki sebagai saksi.

Paul kemudian membenarkan permohonan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail untuk mengemukakan afidavit bagi perbicaraan lanjut.

Karpal, yang mewakili Anwar dalam satu saman sivil mencabar kesahihan pemecatannya daripada Kabinet pada 2 Sept lalu menmgemukakan notis usul memohon perintah untuk mengenyepikan sapina yang diserahkan kepadanya untuk hadir sebagai saksi pendakwa pada perbicaraan Anwar.

Perbicaraan Anwar yang menghadapi empat tuduhan melakukan amalan rasuah disambung hari ini selepas ditangguhkan selama seminggu.

Dalam notis itu, Karpal berkata sapina yang tidak bertarikh yang dikeluarkan timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi harus diketepikan kerana ia menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

Ketika berhujah, Abdul Gani memberitahu mahkamah bahawa Karpal penting kepada kes ini kerana Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar menemui beliau "sejurus sebelum mereka ditangkap" tahun lalu.

Terdahulu, mahkamah diberitahu bahawa Ummi Hafilda ialah orang yang menulis surat bertajuk "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertarikh 5 Ogos, 1997 dan Azizan, bekas pemandu Anwar yang bersumpah bahawa dia telah diliwat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Semasa memberi penjelasan kepada mahkamah, Abdul Gani berkata pendakwa memperolehi saman pada 13 Nov kira-kira 10 pagi dan ia diserahkan secara sah sejam kemudian apabila Karpal kebetulan berada di mahkamah.

Karpal berhujah bahawa tidak ada asas bagi mengeluarkan sapina kerana tiada kenyataan dicatatkan daripada beliau dan beliau tidak dimaklumkan bahawa beliau akan dipanggil sebagai saksi apabila memohon untuk menjadi peguam pemethati dalam kes itu.

Pada 2 Nov, Karpal memohon kepada mahkamah untuk menjadi peguam pemerhati bagi Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, adik angkat Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara enam bulan selepas mengaku bersalah membenarkan Anwar meliwatnya.

"Tiada petanda bahawa saya diperlukan sebagai saksi dalam kes ini," kata beliau.

Paul bagaimanapun tidak bersetuju dengan Karpal mengenai isu itu bahawa beliau tidak memberi apa-apa kenyataan kepada polis memandangkan polis boleh menghantar sapina pada bila-bila masa tanpa kenyataan direkodkan.

Dalam notis itu, Karpal menyebut bahawa beliau tidak dapat mengemukakan apa-apa keterangan penting dalam kes berkenaan.

Sapina yang diserahkan kepada Karpal pada 11.30 pagi 13 Nov, di luar mahkamah menghendakinya hadir di mahkamah mulai Isnin hingga 12 Dis.

Karpal berkata kehadirannya di mahkamah akan mengganggu secara serius tugasnya sebagai peguam dan Anggota Parlimen.

Karpal berkata beliau juga perlu berada di London pada 26 Nov kerana anaknya Ramkarpal Singh akan diterima masuk di Gray's Inn sebagai peguam.

Mahkamah membenarnya beliau menghadiri upacara itu dan menetapkan 4 Dis untuk mendengar permohonan kerana beliau akan kembali pada hari sebelumnya.

Terdahulu, Paul menolak permohonan peguam Mah Weng Kwai untuk bertindak sebagai peguam pemerhati bagi Majlis Peguam pada perbicaraan mendengar permohonan itu.

Ketika menolak permohonan, Paul berkata beliau tidak dapat bertindak melampaui bidang kuasa yang diberikan oleh Parlimen kepada Majlis Peguam seperti termaktub mengikut Seksyen 42 Akta Profesion Guaman.

Ketika berhujah, Mah berkata bahawa Majlis Peguam hendaklah menjadi peguam Pemerhati demi kepentingan umum dan untuk melindungi profesion guaman.

-- BERNAMA
NHD AHH FAZ